Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan) dengan Keupujian	- 44
Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) dengan Keupujian	- 56
Sarjana Muda Sains Akuakultur dengan Keupujian	- 72
Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) dengan Keupujian	- 84

1.7 Pemilihan Taraf Kursus

Kursus yang diwajibkan oleh kurikulum terutama sekali kursus yang menjadi prasyarat kepada kursus berikutnya perlu diambil dengan segera. Kombinasi kursus yang dipilih hendaklah tidak membebankan dan jadual waktunya sesuai. Pemilihan kursus adalah dinasihatkan dirancang bersama dengan Pembimbing Siswa. Setiap program mempunyai tiga komponen kursus:

i. Teras Universiti (TU) (Taraf: YW)

Teras universiti merupakan kursus-kursus yang wajib diambil oleh semua pelajar di UMT dan ditawarkan bagi memperlengkapkan para pelajar dengan pelbagai ilmu serta ketangkasan asas di samping ilmu yang dikuasai dalam bidang pengkhususan masing-masing. Pelajar wajib lulus dalam kursus-kursus ini dengan minimum gred D. Bagi yang gagal, mereka dimestikan mengulang kursus tersebut.

ii. Teras Program (TP) (Taraf: YW)

Setiap program mempunyai kursus teras program tersendiri. Kursus teras program adalah kursus-kursus yang ditawarkan berdasarkan keperluan program masing-masing. Kursus-kursus ini menjurus kepada pembinaan kepakaran pelajar dalam bidang program pengajiannya. Pelajar wajib mengambil kursus ini dan mesti lulus dengan minimum gred D dan dimestikan mengulang kursus sekiranya gagal.

iii. Elektif (EU) (Taraf: ELF)

Kursus elektif bebas (ELF) adalah kursus pilihan yang boleh dipilih oleh pelajar dari mana-mana fakulti berdasarkan minat dan potensi masing-masing. Seseorang pengajar boleh menghadkan bilangan pelajar yang mendaftar bagi kursus elektif mengikut sepertimana dipersetujui oleh fakulti. Kursus elektif akan diambil kira kreditnya dan diberikan mata nilai.

(Bahagian kursus elektif ini perlu merujuk elektif bebas dan elektif terhad)

Bagi kursus wajib yang diulang selepas gagal, ia bertaraf **Ulang Kursus Wajib (Taraf: ULF)**. Selain daripada kursus di atas, pelajar juga dibenarkan mengambil kursus dengan status **Audit (Taraf: AUT)**. Pelajar boleh mengulang kursus lulus yang pernah diambilnya untuk memperbaiki prestasi. Taraf kursus ini ialah **Ulang Tingkat Gred (Taraf: ULT)**.

1.8 Pindah Kredit

Sesuatu kursus itu boleh dimohon untuk pindah kredit jika transkrip pelajar itu membuktikan bahawa pelajar telah menjalani kursus yang sama atau kursus yang setara. Tujuan pindah kredit ialah untuk mengiktiraf pencapaian yang lepas oleh pelajar tanpa menjejaskan mutu pengajian. Pelajar boleh diberi pertimbangan mendapatkan pindah kredit dengan mengisi borang AD-2 secara atas talian di portal MyNemo Pelajar (Tertakluk kepada syarat dan kelulusan Timbalan Dekan Akademik dan HEP).

1.9 Lain-lain

i. Yuran/Hutang

Pelajar yang masih berhutang atau yang tidak mempunyai jaminan pembiayaan tidak dibenarkan mendaftar.

ii. Kemaskini Maklumat

Pelajar bertanggungjawab mengemaskinikan maklumat peribadi dari masa ke masa dan memberitahu pihak fakulti untuk tujuan rekod.

2.0 SISTEM BIMBINGAN SISWA (SBS)

2.1 Pengenalan

Pembimbing Siswa ialah pegawai akademik yang memberi khidmat nasihat akademik dan beliau juga sebagai pembimbing kepada pelajar dalam masalah pembelajaran dan peribadi.

2.2 Matlamat dan Objektif

Matlamat dan objektif Sistem Bimbingan Siswa ialah untuk mewujudkan suatu saluran perhubungan bersistem bagi pelajar mengadukan masalah, khususnya dalam perkara akademik serta merapatkan perhubungan antara pelajar dengan pensyarah fakulti.

2.3 Tugas Pembimbing Siswa

- i. Membantu pelajar memahami kurikulum, sistem semester, sistem pendaftaran, sistem peperiksaan dan pemindahan kredit.
- ii. Membantu pelajar merancang skema pengajian.
- iii. Membantu pelajar membuat pemilihan kursus.
- iv. Memberi nasihat untuk mengatasi masalah akademik pelajar.
- v. Mengenalpasti masalah berkaitan, yang boleh menimbulkan masalah akademik untuk dirujuk kepada pihak yang tertentu yang mempunyai kepakaran untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.
- vi. Menandatangani dan mengesahkan sijil dan sebarang dokumen mengenai akademik pelajar.

2.4 Pelaksanaan

Setiap pelajar FPSM akan diagihkan kepada seorang Pembimbing Siswa (PS). Setiap pelajar diwajibkan berjumpa terus dengan Pembimbing Siswa (PS) masing-masing untuk mendapatkan bimbingan dan nasihat berkaitan hal ehwal akademik dan masalah berkaitan. Temujanji boleh dilakukan dengan Pembimbing Siswa mengikut kesesuaian masa Pembimbing Siswa berkenaan.

3.0 **PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK SARJANA MUDA SAINS MAKANAN (PERKHIDMATAN MAKANAN DAN PEMAKANAN) DENGAN KEPUJIAN**

3.1 **SYARAT KEMASUKAN**

i) **Syarat Am Universiti**

- a. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat **kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia atau Kepujian Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia Kertas Julai;**

dan

- b. Memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat IPTA;

atau

- c. Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya;
- Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am; dan
 - Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain.

atau

- d. Lulus peperiksaan Matrikulasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

dan

- e. Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).

ii) **Syarat Khas Kemasukan**

- a. Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:
- Kimia

atau

- b. Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (2.00) pada peringkat Matrikulasi/ Asasi dalam mata pelajaran berikut:
- Kimia/ Kimia Kejuruteraan

3.2 **OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM (PEO)**

Program Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) dengan Kepujian akan menghasilkan graduan yang:

- Berupaya mengaplikasikan pengetahuan sains makanan, perkhidmatan makanan dan pemakanan bagi mengenalpasti dan menyelesaikan masalah yang berkaitan secara kritis dan saintifik menggunakan kemahiran numerikal dan digital.
- Mahir dan kompeten dalam aspek teknikal industri makanan, perkhidmatan makanan, pemakanan dan yang berkaitan serta berdaya saing dalam mencari peluang dalam bidang keusahawanan agar berupaya untuk beradaptasi dengan perkembangan terkini.
- Berupaya bekerja dalam kumpulan pelbagai disiplin, mempunyai kemahiran kepimpinan dan mahir berkomunikasi secara lisan dan bertulis.

4. Berupaya memahami serta menangani isu-isu semasa berkaitan amalan dalam sains makanan, perkhidmatan makanan dan pemakanan dengan bertanggungjawab, profesional dan beretika.
5. Berupaya mengenalpasti keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk perkembangan peribadi dan profesional melalui pembelajaran sendiri dan berterusan.

3.3 HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM (PLO)

Pada akhir program ini, graduan akan dapat:

1. PLO1 – Pengetahuan dan Kefahaman

Memahami teori dan prinsip serta mampu menghuraikan pengetahuan berkaitan bidang sains makanan, perkhidmatan makanan dan pemakanan.

2. PLO2 –Kemahiran Praktikal

Berkebolehan melaksanakan tugas-tugas teknikal bagi mencapai sesuatu matlamat berkaitan bidang sains makanan, perkhidmatan makanan dan pemakanan dalam situasi sebenar.

3. PLO3 – Kemahiran Kognitif

Berkebolehan menyelesaikan masalah dalam bidang sains makanan, perkhidmatan makanan dan pemakanan dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran teknikal dalam situasi sebenar.

4. PLO4 – Kemahiran Komunikasi

Berkomunikasi secara berkesan dalam menyampaikan maklumat berkaitan sains makanan, perkhidmatan makanan dan pemakanan secara efektif menerusi pelbagai medium.

5. PLO5 – Kemahiran interpersonal

Mengamalkan sikap bertanggungjawab dan menunjukkan kemahiran bersosial secara interaktif di dalam kumpulan dan organisasi dalam menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan bidang sains makanan, perkhidmatan makanan dan pemakanan.

6. PLO6 – Etika dan profesionalisme

Mengamalkan nilai-nilai murni dan beretika dalam amalan profesional terhadap diri dan masyarakat.

7. PLO7 – Kemahiran Personal

Mahir dalam pengurusan maklumat serta berkebolehan mengamalkan pembelajaran sendiri sepanjang hayat bagi pembangunan karier.

8. PLO8 – Kemahiran Keusahawanan

Berkebolehan mengenalpasti dan menilai peluang keusahawanan dalam bidang makanan.

9. PLO9 – Kemahiran Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab

Berkebolehan mempamerkan sifat-sifat kepimpinan dan berpotensi sebagai ketua atau pemimpin.

10. PLO10 – Kemahiran Digital

Berkemahiran di dalam menggunakan teknologi maklumat dan aplikasi digital dalam mendapatkan, menggunakan serta menyampaikan maklumat berkaitan bidang sains makanan, perkhidmatan makanan dan pemakanan

11. PLO11 – Kemahiran Numerik

Mempunyai kebolehan menguruskan dan menganalisis data kuantitatif dalam penyelesaian masalah berkaitan bidang sains makanan, perkhidmatan makanan dan pemakanan

3.4 KATEGORI KURSUS PROGRAM SARJANA MUDA SAINS MAKANAN (PERKHIDMATAN MAKANAN DAN PEMAKANAN) DENGAN KEPUJIAN

Kursus Teras Universiti (20 kredit)

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1	BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)
2	BBB3033	English for Occupational Purposes	3(3+0)
3	NCC3053	Kenegaraan Malaysia	3(3+0)
4	MPU3223	Asas Keusahawanan	3(3+0)
5	MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2(2+0)
6	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2(2+0)
7	MPU3312	Apresiasi Alam dan Warisan Laut	2(0+2)
8	CCXXXXX	Ko-kurikulum	2(0+2)
Jumlah			20

Kursus Teras Program (101 kredit)

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1	ACT3014	Perakaunan Perniagaan	4(4+0)
2	BIS3034	Biokimia	4(3+1)
3	AEC3402	Kimia Analisis Asas	2(2+0)
4	CHM3062	Prinsip Kimia Fizik	2(2+0)
5	CHM3072	Prinsip Kimia Organik	2(2+0)
6	MGM3323-E	Falsafah Pengurusan	3(3+0)
7	MTK3063	Biostatistik	3(2+1)
8	STM3013	Mikrobiologi Makanan	3(2+1)
9	STM3023	Pengurusan Keselamatan Makanan	3(2+1)
10	STM3123	Prinsip Pemprosesan Dan Pengawetan Makanan	3(2+1)
11	STM3173	Perkembangan Produk	3(2+1)
12	STM3222	Penilaian Deria	2(1+1)
13	STM3233	Kaedah Penyelidikan Sains Makanan	3(2+1)
14	STM3313	Pengenalan Kimia Makanan	3(2+1)
15	STM3323	Analisis Kimia Makanan	3(2+1)
16	STM3343	Peralatan Dalam Analisis Makanan	3(2+1)
17	STM3412	Pengenalan Sains Makanan	2(2+0)
18	STM3513	Prinsip Pemakanan Manusia	3(3+0)
19	STM3523	Pemakanan Sepanjang Hayat	3(3+0)
20	STM3533	Pemakanan Komuniti	3(2+1)
21	STM3553	Pemakanan dan Kesihatan	3(2+1)
22	STM3652	Perundangan Makanan	2(2+0)
23	STM3713	Prinsip Penyediaan Makanan	3(3+0)
24	STM3722	Amali Penyediaan Makanan	2(0+2)
25	STM3743	Perancangan Menu dan Perbelanjaan	3(2+1)
26	STM3753	Pastri dan Bakeri	3(1+2)
27	STM3764	Pengeluaran Makanan Komersial	4(2+2)
28	STM3773	Perancangan Fasiliti Perkhidmatan Makanan	3(2+1)
29	STM3783	Sistem Operasi Perkhidmatan Makanan	3(3+0)
30	STM4241	Seminar	1(0+1)

31	STM4543	Pemakanan Terapi	3(3+0)
32	STM4978	Latihan Industri	8(0+8)
33	STM4981	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	1(0+1)
34	STM4995	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	5(0+5)
Jumlah			101

Kursus Elektif Terhad (9 jam kredit)

Pelajar dikehendaki mengambil **3 kursus (9 jam kredit)** daripada mana-mana kursus elektif yang ditawarkan oleh Program Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) dengan Kepujian sepertimana berikut:

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1	STM3433	Perubahan Pemakanan Dalam Makanan	3(3+0)
2	STM3633	Jaminan Dan Kawalan Kualiti Makanan	3(3+0)
3	STM3793	Makanan Dan Kebudayaan	3(3+0)
4	STM4563	Pemakanan Lanjutan	3(3+0)
5	STM4643	Pengurusan Makanan Halal	3(3+0)

Kursus Elektif Bebas (3 jam kredit)

Pelajar dikehendaki mengambil **1 kursus (3 jam kredit)** daripada mana-mana kursus elektif yang ditawarkan oleh Pusat Pendidikan Asas dan Liberal/ Fakulti lain **kecuali 3 kursus** berikut disebabkan kesetaraan kursus berkenaan dengan kursus-kursus yang ditawarkan oleh Program Sarjana Muda Sains Makanan, Fakulti Perikanan dan Sains Makanan.

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1	PPA3103	Sains Makanan	3(3+0)
2	PPA3113	Pengurusan Makanan Halal	3(3+0)
3	PPA3123	Pemakanan dan Gaya Hidup Sihat	3(3+0)

**3.5 SKEMA PROGRAM PENGAJIAN PROGRAM SARJANA MUDA SAINS MAKANAN
 (PERKHIDMATAN MAKANAN DAN PEMAKANAN) DENGAN KEPUJIAN SESI 2022/2023**

SKEMA PENGAJIAN PELAJAR TEMPATAN

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
SEMESTER 1			SEMESTER 2		
STM3412	Pengenalan Sains Makanan	2(2+0)	MPU3312	Apresiasi Alam dan Warisan Laut	2(0+2)
CHM3062	Prinsip Kimia Fizik	2(2+0)	NCC3053	Kenegaraan Malaysia	3(3+0)
BIS3034	Biokimia	4(3+1)	STM3513	Prinsip Pemakanan Manusia	3(3+0)
MPU3223	Asas Keusahawanan	3(3+0)	STM3313	Pengenalan Kimia Makanan	3(2+1)
CHM3072	Prinsip Kimia Organik	2(2+0)	MTK3063	Biostatistik	3(2+1)
MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2(2+0)	AEC3402	Kimia Analisis Asas	2(2+0)
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2(2+0)	CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2(0+2)
JUMLAH		17	JUMLAH		18
SEMESTER 3			SEMESTER 4		
STM3013	Mikrobiologi Makanan	3(2+1)	STM3023	Pengurusan Keselamatan Makanan	3(2+1)
STM3323	Analisis Kimia Makanan	3(2+1)	STM3553	Pemakanan dan Kesihatan	3(2+1)
STM3523	Pemakanan Sepanjang Hayat	3(3+0)	STM3743	Perancangan Menu dan Perbelanjaan	3(2+1)
STM3713	Prinsip Penyediaan Makanan	3(3+0)	STM3753	Pastri dan Bakeri	3(1+2)
STM3722	Amali Penyediaan Makanan	2(0+2)	ACT3014	Perakaunan Perniagaan	4(4+0)
BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)		Elektif	3
MGM3323-E	Falsafah Pengurusan	3(3+0)			
JUMLAH		20	JUMLAH		19
SEMESTER 5			SEMESTER 6		
STM3233	Kaedah Penyelidikan Sains Makanan	3(2+1)	STM3343	Peralatan dalam Analisis Makanan	3(2+1)
STM3222	Penilaian Deria	2(1+1)	STM4981	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	1(0+1)
STM3533	Pemakanan Komuniti	3(2+1)	STM3123	Prinsip Pemprosesan dan Pengawetan Makanan	3(2+1)
STM3764	Pengeluaran Makanan Komersial	4(2+2)	STM4241	Seminar	1(0+1)
BBB3033	English for Occupational Purposes	3(3+0)	STM3652	Perundangan Makanan	2(2+0)
	Elektif	3	STM3773	Perancangan Fasiliti Perkhidmatan Makanan	3(2+1)
				Elektif	3
JUMLAH		18	JUMLAH		16
SEMESTER 7			SEMESTER 8		
STM3173	Perkembangan Produk	3(2+1)	STM 4978	Latihan Industri	8(0+8)
STM4995	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	5(0+5)			
STM4543	Pemakanan Terapi	3(3+0)			
STM3783	Sistem Operasi Perkhidmatan Makanan	3(3+0)			
	Elektif	3			
JUMLAH		17	JUMLAH		8
					JUMLAH KREDIT BERGRADUAT
					133

**INTERNATIONAL STUDENT COURSE SCHEME
 BACHELOR OF FOOD SCIENCE (FOOD SERVICE AND NUTRITION) WITH HONOURS
 SESSION 2022/2023**

CODE	COURSE NAME	CREDIT	CODE	COURSE NAME	CRED IT
SEMESTER 1			SEMESTER 2		
MPU3143	Communicative Malay Language	3(3+0)	MPU3312	Appreciation of Nature and Ocean Heritage	2(0+2)
STM3412	Introduction to Food Science	2(2+0)	STM3513	Principles of Human Nutrition	3(3+0)
CHM3062	Principle of Physical Chemistry	2(2+0)	STM3313	Introduction to Food Chemistry	3(2+1)
BIS3034	Biochemistry	4(3+1)	MTK3063	Biostatistics	3(2+1)
CHM3072	Principle of Organic Chemistry	2(2+0)	AEC3402	Basic Analytical Chemistry	2(2+0)
BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)	CCX XXXX	Co-Curriculum	2(0+2)
			MPU3132	Appreciation of Ethics and Civilizations	2(2+0)
				Elective	2
TOTAL		16	TOTAL		19
SEMESTER 3			SEMESTER 4		
STM3013	Food Microbiology	3(2+1)	STM3023	Food Safety Management	3(2+1)
STM3323	Chemical Analysis of Food	3(2+1)	STM3553	Nutrition and Health	3(2+1)
STM3523	Life Span Nutrition	3(3+0)	STM3743	Menu Planning and Expenses	3(2+1)
STM3713	Principles of Food Preparation	3(3+0)	STM3753	Pastry and Bakery	3(1+2)
STM3722	Practical of Food Preparation	2(0+2)	ACT3014	Business Accounting	4(4+0)
BBB3023	Public Speaking	3(3+0)		Elective	3
MGM3323-E	Philosophy of Management	3(3+0)			
TOTAL		20	TOTAL		19
SEMESTER 5			SEMESTER 6		
STM3233	Food Science Research Methodology	3(2+1)	STM3343	Instrumentation in Food Analysis	3(2+1)
STM3222	Sensory Evaluation	2(1+1)	STM4981	Final Year Project I	1(0+1)
STM3533	Community Nutrition	3(2+1)	STM3123	Principles of Food Processing and Preservation	3(2+1)
STM3764	Commercial Food Production	4(2+2)	STM4241	Seminar	1(0+1)
BBB3033	English for Occupational Purposes	3(3+0)	STM3652	Food Law	2(2+0)
	Elective	3	STM3773	Food Service Facilities Planning	3(2+1)
				Elective	3
TOTAL		18	TOTAL		16
SEMESTER 7			SEMESTER 8		
STM3173	Product Development	3(2+1)	STM4978	Industrial Training	8(0+8)
STM4995	Final Year Project II	5(0+5)			
STM4543	Nutrition Therapy	3(3+0)			
STM3783	Food Service Operational System	3(3+0)			
	Elective	3			
TOTAL		17	TOTAL		8
TOTAL CREDIT					133

3.6	SINOPSIS KURSUS PROGRAM SARJANA MUDA SAINS MAKANAN (PERKHIDMATAN MAKANAN DAN PEMAKANAN) DENGAN KEPUJIAN
------------	--

STM 3013 : Mikrobiologi Makanan
Jam Kredit : 3 (2 + 1)

Silibus ini menekankan asas mikrobiologi makanan. Pengenalan mikrobiologi makanan, teknik pengendalian, pembiakan, hitungan mikroorganisma perosak makanan dan patogen bawaan makanan akan diajar. Tatanama, klasifikasi, evolusi dan pengenalanpastian mikroorganisma dan juga struktur sel prokariotik dan eukariotik akan dijelaskan. Kaedah kajian terhadap mikroorganisma, pemeriksaan menggunakan mikroskopi, teknik pewarnaan, pengawetan dan pemeliharaan kultur asli juga akan diajarkan dalam silibus ini. Pelajar akan didedahkan dengan pemakanan yang diperlukan oleh mikroorganisma, pembiakan mikroorganisma, jenis media yang digunakan, reaksi pertumbuhan dan teknik hitungan. Metabolisme mikroorganisma dan kesannya terhadap kualiti makanan serta kesan pelbagai kaedah pengawetan makanan terhadap mikroorganisma akan dijelaskan. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat menimba pengetahuan tentang mikroorganisma dan kepentingannya dalam industri makanan serta mempelajari kaedah asas dalam bidang mikrobiologi makanan untuk memastikan pertumbuhan mikroorganisma dapat dikawal melalui kaedah pengawetan yang sesuai.

STM 3023 : Pengurusan Keselamatan Makanan
Jam Kredit : 3 (2 + 1)

Silibus ini menekankan peranan agensi kerajaan, industri makanan dan pengguna dalam memastikan keselamatan makanan di sepanjang rantaian bekalan makanan. Tajuk-tajuk kursus merangkumi bahaya makanan, penyakit yang berpunca daripada air, makanan yang tercemar dan langkah kawalannya serta penyebab penyakit bawaan makanan dan langkah pencegahan. Prinsip-dan aplikasi keselamatan makanan serta sanitasi bagi setiap aktiviti rantai makanan dari perolehan bahan mentah hingga sampai kepada pengguna akan dijelaskan. Pelajar akan didedahkan dengan perancangan serta pengurusan fasiliti, peralatan, peralatan kecil, pembersihan, operasi sanitasi di premis dan langkah pencegahan kemalangan. Sistem pengurusan keselamatan makanan seperti HACCP juga akan diajar. Pada akhir kursus, pelajar akan memperolehi pengetahuan daripada prinsip dan aplikasi pengurusan keselamatan makanan dalam memastikan makanan yang selamat dapat dihasilkan secara berterusan di premis makanan.

STM 3123 : Prinsip Pemprosesan dan Pengawetan Makanan
Jam Kredit : 3 (2 + 1)

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada prinsip dan kaedah pemprosesan dan pengawetan makanan. Ia mengandungi topik yang berkaitan dengan kepentingan pemprosesan makanan dan pengawetan, kualiti makanan, kerosakan makanan, konsep rintangan (hurdle), prinsip pemprosesan dan pengawetan dan pelbagai teknologi pemprosesan dan pengawetan makanan. Kursus ini akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan berkaitan dengan prinsip pelbagai teknologi yang digunakan untuk pengawetan dan pemprosesan makanan, serta faktor-faktor yang mempengaruhi ciri-ciri fizikokimia dan kerosakan makanan.

STM 3173 : Perkembangan Produk
Jam Kredit : 3 (2 + 1)

Sukatan pelajaran ini menekankan tahap kerjasama yang tinggi di antara ahli kumpulan sepanjang proses pembangunan produk makanan baharu. Prinsip pembangunan produk makanan melibatkan penjaan idea dan penyaringan, penentuan konsep produk, pemformulasian, pemprosesan, pembungkusan, pelabelan, keselamatan dan anggaran jangka hayat, pengiraan kos serta penetapan harga produk serta perletakan produk di pasaran. Prototaip produk yang dibangunkan akan dinilai di makmal dan melalui ujian penilaian sensori. Pembungkusan prototaip akan direkabentuk dan dipamerkan bersama sampel produk semasa sesi pelancaran. Potensi pasaran dan penerimaan pengguna terhadap produk prototaip akan dinilai semasa sesi pelancaran produk. Kursus ini melibatkan pengaplikasian pengetahuan dalam situasi sebenar yang mereka hadapi semasa pembangunan produk makanan baharu.

STM 3222 : Penilaian Deria
Jam Kredit : 2 (1 + 1)

Dalam kursus ini, pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran mengenai konsep dan penggunaan penilaian deria, kaedah penilaian deria (diskriminatif, afektif dan deskriptif) termasuk penyediaan sampel untuk dipersembahkan, format dan tatacara untuk memperolehi data melalui borang penilaian deria dan analisis statistik data. Pelajar juga akan dijelaskan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi penilaian deria. Kursus ini juga melibatkan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah (Problem based learning, PBL) bagi amali Ujian Afektif. Kursus ini akan membolehkan pelajar menjadi lebih bersedia untuk kemahiran berfikir secara kritis dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan penilaian deria yang diterapkan dalam industri makanan.

STM 3233 : Kaedah Penyelidikan Sains Makanan
Jam Kredit : 3 (2 + 1)

Kursus ini merangkumi pengetahuan dan kemahiran kaedah penyelidikan saintifik dalam bidang sains makanan, pemakanan dan perkhidmatan makanan. Ia melibatkan tiga kategori kajian, iaitu eksperimen berasaskan makmal, kajian berdasarkan soal selidik dan pemerhatian. Pelajar diberi pemahaman asas mengenai falsafah penyelidikan, jenis-jenis penyelidikan, isu-isu etika dalam penyelidikan dan prinsip asas setiap fasa penyelidikan. Pelajar juga dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan kaedah penyelidikan, bermula dari pemilihan topik, menjana pernyataan masalah, hipotesis/ persoalan dan objektif kajian, pelaksanaan kajian kepustakaan, pemilihan kaedah, perancangan dan rekabentuk ujikaji atau pendekatan penyelidikan, kaedah pengumpulan data, penulisan proposal penyelidikan dan analisis data secara statistik. Kursus ini secara amnya membangunkan kebolehan pelajar untuk menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi (HOTs) dalam menghasilkan proposal penyelidikan dan menganalisis data penyelidikan.

STM 3313 : Pengenalan Kimia Makanan
Jam Kredit : 3 (2 + 1)

Matlamat kursus ini adalah untuk membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan mengenai kimia makanan. Kandungan kursus ini merangkumi sifat-sifat kimia dan fizikal komponen makanan termasuk air, protein, karbohidrat, lipid, vitamin, mineral, bahan tambahan makanan, bahan toksik semula jadi dan bahan cemar. Struktur dan fungsi, tindak balas komponen dalam makanan. Rasional memilih kursus ini akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan tentang sifat kimia dan fizikal komponen makanan serta struktur dan fungsi komponen tersebut dalam makanan.

STM 3323 : Analisis Kimia Makanan
Jam Kredit : 3 (2 + 1)

Tujuan kursus ini adalah untuk membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan mengenai kepentingan analisis makanan, prinsip asas, prosedur dan teknik analisis makanan dan komponen makanan dengan kaedah kimia serta menganalisis data atau hasil yang diperoleh daripada analisis. Kandungan kursus ini merangkumi pengenalan kepada analisis makanan, pilihan kaedah, peraturan dan cadangan kerajaan, persampelan dan penyediaan sampel, analisis data, analisis keasidan titrat, analisis kelembapan dan total pepejal, analisis abu, analisis mineral, analisis karbohidrat, analisis serat, analisis lemak kasar, pencirian lemak, analisis vitamin. Rasional untuk memilih kursus ini adalah ia akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan dalam memahami kepentingan analisis makanan serta belajar dan menerapkan prinsip asas, prosedur dan teknik analisis dan komponen makanan dengan kaedah kimia serta menganalisis hasil analisis yang dilakukan.

STM 3343 : Peralatan dalam Analisis Makanan
Jam Kredit : 3 (2 + 1)

Matlamat kursus ini adalah untuk membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan tentang prinsip, peralatan, kaedah dan aplikasi dalam analisis makanan. Kandungan kursus ini merangkumi prinsip dan teknik peralatan seperti polarimetri, refraktometri, kolorimetri, kalorimetri, analisis tekstur, elektroforesis, analisis termal, kromatografi cecair berprestasi tinggi, kromatografi gas, spektroskopi penyerapan atom, spektroskopi inframerah dan spektroskopi resonans magnetik nuklear. Rasional memilih kursus ini kerana akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan mengenai prinsip peralatan, kaedah dan aplikasi dalam analisis makanan menggunakan pelbagai teknik dan kaedah.

STM 3412 : Pengenalan Sains Makanan
Jam Kredit : 2 (2 + 0)

Kursus ini akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan asas mengenai bidang Sains Makanan, Teknologi Makanan, Pemakanan dan Perkhidmatan Makanan dan hubungkait antara bidang- bidang tersebut. Pengenalan ringkas mengenai komposisi utama makanan, aspek pemprosesan, kualiti dan keselamatan makanan. Kepentingan bidang berkenaan kepada perkembangan industri makanan dan status pemakanan masyarakat. Pelajar akan didedahkan kepada perkembangan semasa dan peluang kerjaya dalam Sains Makanan, Teknologi Makanan, Pemakanan dan Perkhidmatan Makanan. Kursus ini akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan mengenai Sains Makanan, kepentingan bidang ini kepada industri, perkembangan semasa dan peluang kerjaya yang berkaitan.

STM 3513 : Prinsip Pemakanan Manusia
Jam Kredit : 3 (3 + 0)

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada prinsip biokimia dan fisiologi pemakanan manusia termasuk pengelasan, struktur, fungsi, keperluan dan sumber nutrien daripada makanan. Di samping itu, kursus ini juga membolehkan pelajar memahami masalah kesihatan yang berkaitan dengan kekurangan dan kelebihan nutrien serta memahami konsep keperluan dan penggunaan tenaga berdasarkan prinsip pemakanan.

STM 3523 : Pemakanan Sepanjang Hayat
Jam Kredit : 3 (3 + 0)

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada keperluan pemakanan semasa kitaran hidup mengikut peringkat umur yang merangkumi pra-kehamilan, kehamilan, kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga tua. Di samping itu, faktor-faktor yang mempengaruhi pengambilan nutrien dan kesannya terhadap pertumbuhan, perkembangan dan kesihatan individu juga akan dibincangkan. Kursus ini membolehkan pelajar memahami keperluan pemakanan untuk konteks tertentu mengikut umur dan keadaan tertentu.

STM 3533 : Pemakanan Komuniti
Jam Kredit : 3 (2+1)

Malnutrisi (kelebihan dan kekurangan nutrien) adalah salah satu masalah kesihatan utama di Malaysia. Kursus Pemakanan Komuniti direkabentuk untuk menyoroti masalah berkaitan. Pelajar Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) akan terlibat secara langsung dan aktif dengan komuniti terpilih berkaitan dengan masalah diet tertentu. Kursus ini membolehkan pelajar menganalisis faktor sosio-budaya, ekonomi dan persekitaran yang mempengaruhi pengambilan makanan dan status pemakanan. Kursus ini juga membolehkan pelajar menilai status pemakanan dan mengadakan program/ strategi, termasuk pendidikan pemakanan, untuk mengurangkan penyakit yang berkaitan dengan diet di dalam masyarakat.

STM 3553 : Pemakanan dan Kesihatan
Jam Kredit : 3 (2 + 1)

Kursus ini akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan mengenai penyakit berkaitan pemakanan termasuk faktor metabolik dan fisiologi, penilaian pemakanan, pencegahan dan cara mengatasi situasi dan masalah ini. Ujian klinikal makmal akan dilakukan pada sampel klinikal untuk mendapatkan maklumat mengenai kesihatan seseorang untuk membantu diagnosis, rawatan, dan pencegahan penyakit. Isu semasa dalam pemakanan dan kesihatan juga akan dibincangkan.

STM 3652 : Perundangan Makanan
Jam Kredit : 2 (2 + 0)

Kursus ini akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan yang berkaitan dengan kehendak Akta Makanan 1983, Peraturan Makanan 1985, Peraturan Kebersihan Makanan 2009, aspek perundangan mengenai pengurusan hotel, restoran dan perkhidmatan makanan serta tafsirannya dan undang-undang lain yang berkaitan dengan perundangan Malaysia. Kursus ini juga akan merangkumi pengurusan jaminan kualiti dalam industri makanan. Kursus ini akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan mengenai undang-undang dan keperluan Malaysia berkaitan dengan industri makanan dan hospitaliti dan juga sistem pengurusan kualiti.

STM 3713 : Prinsip Penyediaan Makanan
Jam Kredit : 3 (3 + 0)

Prinsip penyediaan makanan merangkumi aspek pengenalan dan klasifikasi bahan mentah, penggunaan resipi piawai dan pengubahsuaian resipi. Pelajar juga akan didedahkan dengan pengetahuan mengenai peralatan besar dan kecil, pra-persediaan (mise-en-places) serta kaedah dan teknik memasak pelbagai hidangan Barat dan Timur. Silibus ini melibatkan kemahiran interpersonal dan personal yang menekankan kepentingan pelajar untuk bertindak secara efektif di dalam kumpulan bagi melaksanakan tugas pempiawaian resipi (recipe standardization)

STM 3722 : Amali Penyediaan Makanan
Jam Kredit : 2 (0 + 2)

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada teknik yang betul di dalam penggunaan resipi piawai (standard recipe), penggunaan pelbagai komoditi makanan Barat dan Timur, fungsi pelbagai peralatan penyediaan makanan, dan melaksanakan pra-persediaan (mise-en-places). Pemahaman tersebut diperkukuhkan lagi melalui penerapan pemahaman sains ke dalam teknik penyediaan makanan yang dipraktikkan, untuk tujuan pembangunan kemahiran yang kini digunakan oleh industri perkhidmatan makanan dalam pelbagai hidangan Timur dan Barat. Ia juga merangkumi pengkategorian pelbagai hidangan ke dalam klasifikasi yang sesuai.

STM 3743 : Perancangan Menu dan Perbelanjaan
Jam Kredit : 3 (2 + 1)

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada pembangunan menu serta pertimbangan dalam perancangan menu dalam perspektif pelanggan dan pengurusan. Proses perancangan menu untuk pelbagai operasi perkhidmatan makanan diperkenalkan dalam kursus ini. Satu topik aspek kewangan perancangan menu yang melibatkan penyediaan resipi piawai (standard recipe), penetapan harga dan harga menu adalah ditekankan melalui kuliah, praktikal dan tugas. Pelajar juga didedahkan dengan teknik untuk menjalankan analisis menu dan proses perolehan yang melibatkan pembelian, proses penerimaan dan penyimpanan (bahan kering dan basah) dan kawalan inventori. Silibus ini melibatkan kemahiran keusahawanan serta menekankan kerjasama antara ahli kumpulan sepanjang proses pembangunan menu, yang akan menggambarkan senario sebenar dalam operasi perkhidmatan makanan komersial dan institusi.

STM3753 : Pastri dan Bakeri
Jam Kredit : 3 (1+2)

Kursus ini akan membolehkan pelajar mendapat pendedahan utama mengenai pelbagai prinsip pembuatan pastri dan roti, teknik dan pendekatan yang betul semasa menggunakan peralatan besar dan kecil alat dalam penghasilan pastri. Kursus ini juga akan merangkumi pelbagai teori dan prinsip asas dalam penyediaan pelbagai adunan, paste, batters, termasuk kuih tradisional. Fungsi pelbagai ramuan, resipi piawai (standard recipe) dan kebersihan dan keselamatan makanan juga termasuk dalam silibus ini.

STM 3764 : Pengeluaran Makanan Komersial
Jam Kredit : 4 (2 + 2)

Kursus ini mendedahkan para pelajar kepada pelbagai aspek perkhidmatan makanan komersial iaitu penyediaan, persembahan dan perkhidmatan untuk menu ala carte, table d'hote, buffet dan take-away dengan melibatkan pembelajaran berasaskan kerja (Work-based learning, WBL) di dalam kelas praktikal. Di samping itu, ia juga merangkumi penggunaan alat komersial, kemahiran perhubungan pelanggan, kemahiran kepimpinan, pembahagian tugas, pengurusan pembayaran bil serta semangat bekerja dalam kumpulan. Ini menggambarkan operasi sebenar pengeluaran makanan komersial dalam operasi yang menguntungkan seperti restoran, hotel dan lain-lain

STM 3773 : Perancangan Fasiliti Perkhidmatan Makanan
Jam Kredit : 3 (2 + 1)

Tujuan kursus ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada keperluan penyusunan kemudahan dan peralatan dalam ruang restoran melalui pemahaman yang sistematik dan amalan perancangan awal termasuk pengenalan konsep restoran, prinsip reka bentuk, analisis keperluan ruang, susun atur peralatan serta kejuruteraan dan keperluan seni bina. Dalam projek kumpulan, rancangan perniagaan, konsep restoran dan susun atur restoran yang dicadangkan dihasilkan dan diuji melalui kajian pasaran. Silibus ini melibatkan kemahiran personal dan keusahawanan dan menggalakkan tahap kerjasama yang tinggi di antara ahli kumpulan. Ia juga memberi peluang kepada pelajar untuk menerapkan pengetahuan yang diperolehi dalam situasi sebenar semasa menjalankan projek kumpulan.

STM 3783 : Sistem Operasi Perkhidmatan Makanan
Jam Kredit : 3 (3 + 0)

Kursus ini membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan dan pemahaman melalui gambaran sistematik industri perkhidmatan makanan yang terdiri daripada konsep sistem, model sistem, input dan output, proses transformasi serta aliran pengeluaran makanan dari pelbagai jenis perkhidmatan makanan dalam model sistem perkhidmatan makanan, melalui kuliah dan tugas. Pelajar juga akan dapat memberi cadangan kepada beberapa kajian kes yang berkaitan dengan sistem perkhidmatan makanan.

STM 4241 : Seminar
Jam Kredit : 1 (0 + 1)

Dalam kursus ini, pelajar akan didedahkan dengan bacaan secara kritis dan akan ditulis sebagai ulasan berkaitan isu-isu atau penyelidikan semasa sama ada dalam sains makanan, pemakanan atau perkhidmatan makanan menggunakan artikel ilmiah yang relevan dari pelbagai sumber. Pelajar dikehendaki membuat pembentangan lisan mengenai isu atau kajian semasa yang dipilih. Pelajar juga akan bekerja dalam kumpulan di dalam penganjuran seminar dengan melibatkan penceramah jemputan. Kursus ini akan membolehkan pelajar memperolehi pengetahuan dan pengalaman dalam komunikasi saintifik (lisan dan penulisan) dan kemahiran kerja berpasukan untuk mencapai matlamat tugas dengan cara yang berkesan.

STM 4543 : Pemakanan Terapi
Jam Kredit : 3 (3 + 0)

Kursus ini akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan dalam terapi diet untuk penyakit tertentu. Pelajar juga akan didedahkan dengan kaedah menterjemahkan teori tersebut menjadi praktikal melalui kes kajian. Penekanan khas diberikan untuk mengenal pasti maklumat pemakanan yang tepat dan dapat mentafsirkan maklumat pemakanan dengan lebih baik dan memahami asas pemakanan piawai dan garis panduan. Pada akhir kursus ini, para pelajar akan dapat menyediakan rancangan penjagaan pemakanan sebagai sebahagian daripada proses penjagaan kesihatan secara keseluruhan, menggunakan kaedah untuk menganalisis kesihatan pemakanan masyarakat, dan memahami hubungan diet dan pemakanan dengan penyakit tertentu.

STM 4978 : Latihan Industri
Jam Kredit : 8 (0 + 8)

Pelajar akan ditempatkan di agensi kerajaan atau swasta yang berkaitan dengan pengkhususan program masing-masing selama enam belas minggu di Semester 8. Pelajar akan menjalankan latihan industri di premis yang berkaitan dengan bidang sains makanan di bawah pengawasan penyelia yang akan dilantik di agensi dan juga penyelia dari universiti.

STM 4981 : Projek Ilmiah Tahun Akhir I
Jam Kredit : 1 (0 + 1)

Pelajar tahun akhir akan menjalankan projek penyelidikan di bawah penyeliaan satu atau lebih pensyarah di jabatan. Pelajar diminta untuk mengemukakan cadangan penyelidikan ke jawatankuasa dan dibentangkan di dalam seminar untuk penilaian.

STM 4995 : Projek Ilmiah Tahun Akhir II
Jam Kredit : 5 (0 + 5)

Pelajar tahun akhir akan menjalankan projek penyelidikan di bawah penyeliaan satu atau lebih pensyarah di jabatan. Pelajar diminta untuk mengemukakan cadangan penyelidikan ke jawatankuasa pada semester sebelumnya. Setelah menyelesaikan projek penyelidikan, laporan harus diserahkan ke jabatan dan dibentangkan dalam seminar untuk penilaian. Kursus ini membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh sepanjang pembelajaran dalam menjalankan aktiviti penyelidikan dan membentangkan serta menulis hasil kajian di dalam bentuk laporan penyelidikan yang lengkap dan bermakna.

KURSUS ELEKTIF

STM 3433 : Perubahan Pemakanan dalam Makanan
Jam Kredit : 3 (3 + 0)

Kursus ini akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan mengenai struktur, komposisi dan tindak balas kimia dalam pelbagai komoditi makanan semasa penuaian dan penyimpanan selepas penuaian. Kaedah yang sesuai untuk mengurangkan kehilangan nutrien semasa pemrosesan makanan juga akan dibincangkan. Di samping itu, penambahan nutrien dalam makanan serta perundangan makanan yang terlibat juga akan dibincangkan. Pelajar akan menggunakan pengetahuan ini dalam melaksanakan strategi untuk mengawal perubahan pemakanan untuk mengekalkan kualiti dan nilai makanan segar semasa penyimpanan atau semasa memproses.

STM 3633 : Jaminan dan Kawalan Kualiti Makanan
Jam Kredit : 3 (3+0)

Kursus ini akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan mengenai konsep, falsafah, istilah dan kualiti, konsep dan pelaksanaan pengurusan kualiti dalam program jaminan kualiti termasuk konsep dan amalan makanan halal, TQM, ISO 9000, "just-in-time" dan lain-lain. Pelajar juga akan mempelajari berkenaan kaedah statistik dalam kawalan kualiti makanan termasuk aspek menentukan perbezaan dan keupayaan proses, prinsip persampelan, carta ciri operasi dan pemilihan rancangan persampelan yang sesuai dan pembangunan carta kawalan atribut. Kursus ini akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan mengenai jaminan kualiti dan kawalan kualiti dalam industri makanan.

STM 3793 : Makanan dan Kebudayaan
Jam Kredit : 3 (3 + 0)

Kursus ini membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan mengenai faktor sosio-budaya, agama, juga alasan di sebalik kepercayaan pengguna terhadap kesihatan dan kesannya terhadap pemilihan dan penyediaan makanan. Pelajar juga akan belajar mengenai tabiat dan pengambilan makanan. Di luar budaya, kita juga akan memahami trend dan pengambilan makanan di antara pelbagai etnik di Malaysia, Asia Tenggara dan adat makanan lain yang berpengaruh. Ini akan merangkumi pelbagai jenis masakan, corak pilihan makanan dan penyediaan makanan untuk pelbagai etnik. Kursus ini mendorong pelajar untuk berfikir tentang makanan dari perspektif luar kotak, di mana pengetahuan tentang masakan dunia, pemakanan, demografi, pilihan menu akan saling berinteraksi dan dicerminkan melalui pengambilan makanan pengguna dari perspektif Asia dan Barat. Tugas menuntut pelajar untuk menjalankan kerja berpasukan yang dinamik dengan mencari artikel ilmiah dan melibatkan ahli kumpulan dalam penulisan akademik berdasarkan penemuan mereka.

STM 4563 : Pemakanan Lanjutan
Jam Kredit : 3 (3 + 0)

Kursus ini akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan lanjutan dalam pemakanan merangkumi proses fisiologi yang berlaku semasa aktiviti fizikal dan terapi pemakanan untuk orang dewasa dan pediatrik. Pelajar juga akan mengetahui tentang kepentingan identiti budaya antara etnik yang berbeza dan mengkaji kesan perbezaan budaya, nilai pemakanan makanan etnik, faedah kesihatan yang berkaitan dengan pemakanan dan risiko yang dihadapi oleh pelbagai kumpulan budaya.

STM 4643 : Pengurusan Makanan Halal
Jam Kredit : 3 (3 + 0)

Kursus ini merangkumi konsep halal dan haram dalam undang-undang Islam, sumber makanan halal dan haram, kaedah penyembelihan halal, konsep pemprosesan makanan halal dari ladang ke pinggan, ramuan dan bahan tambah yang halal. Kursus ini juga membincangkan peraturan dan perundangan yang berkaitan dengan makanan halal, standard halal MS1500: 2009, pensijilan dan logo halal, hubungan antara sistem halal dan berkualiti dan insentif produk halal. Analisis ramuan / aditif halal serta isu semasa dalam industri dan pasaran makanan halal global juga akan dibincangkan. Kursus ini akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan mengenai konsep halal dan haram dan pengurusannya dalam industri makanan untuk menghasilkan makanan halalan dan thoyyiban

4.0 **PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK SARJANA MUDA SAINS MAKANAN (TEKNOLOGI MAKANAN) DENGAN KEPUJIAN**

4.1 **SYARAT KEMASUKAN**

i) **Syarat Am Universiti**

- a. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat **kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia atau Kepujian Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia Kertas Julai;**

dan

- b. Memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat IPTA;

atau

- c. Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya;
- Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am; dan
 - Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain.

atau

- d. Lulus peperiksaan Matrikulasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

dan

- e. Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).

ii) **Syarat Khas Kemasukan**

- a. Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:

- Kimia

atau

- b. Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (2.00) pada peringkat Matrikulasi/ Asasi dalam mata pelajaran berikut :

- Kimia/ Kimia Kejuruteraan

4.2 OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM (PEO)

Program Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan) dengan Kepujian akan menghasilkan graduan yang:

1. Berpengetahuan dan berkemahiran secara teknikal dalam disiplin sains dan teknologi makanan selari dengan kehendak industri.
2. Dapat berkomunikasi dan bekerjasama secara berkesan di dalam kumpulan dan mempamerkan kualiti kepimpinan yang baik di dalam organisasi.
3. Mampu menyelesaikan masalah sains dan teknologi makanan menggunakan kemahiran numerikal dan digital secara inovatif, kreatif dan beretika melalui pendekatan mapan.
4. Berkebolehan untuk mengenalpasti peluang keusahawanan dan mengenalpasti keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk kemajuan karier yang cemerlang.

4.3 HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM (PLO)

Pada akhir program ini, graduan akan dapat:

1. **PLO1 – Pengetahuan dan kefahaman**
Memahami teori dan prinsip serta mampu menghuraikan pengetahuan berkaitan bidang sains dan teknologi makanan
2. **PLO2 –Kemahiran praktikal**
Berkebolehan melaksanakan tugas-tugas teknikal bagi mencapai sesuatu matlamat berkaitan bidang sains dan teknologi makanan dalam situasi sebenar.
3. **PLO3 – Kemahiran kognitif**
Berkebolehan menyelesaikan masalah dalam bidang sains dan teknologi makanan dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran teknikal dalam situasi sebenar.
4. **PLO4 – Kemahiran komunikasi**
Berkomunikasi secara berkesan dalam menyampaikan maklumat berkaitan bidang sains dan teknologi makanan secara efektif menerusi pelbagai medium.
5. **PLO5 – Kemahiran interpersonal**
Mengamalkan sikap bertanggungjawab dan menunjukkan kemahiran bersosial secara interaktif di dalam kumpulan dan organisasi dalam menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan bidang sains dan teknologi makanan.
6. **PLO6 – Etika dan profesionalisme**
Mengamalkan nilai-nilai murni dan beretika dalam amalan profesional terhadap diri dan masyarakat.
7. **PLO7 – Kemahiran personal**
Mahir dalam pengurusan maklumat serta berkebolehan mengamalkan pembelajaran sendiri sepanjang hayat bagi pembangunan kerjaya.
8. **PLO8 – Kemahiran keusahawanan**
Berkebolehan mengenalpasti dan menilai peluang keusahawanan dalam bidang makanan.
9. **PLO9 –Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab**
Berkebolehan mempamerkan sifat-sifat kepimpinan dan berpotensi sebagai ketua atau pemimpin.

10. **PLO10 – Kemahiran digital** Berkemahiran menggunakan teknologi maklumat dan aplikasi digital dalam mendapatkan, menggunakan serta menyampaikan maklumat berkaitan bidang sains dan teknologi makanan.

11. **PLO11 – Kemahiran numerikal**

Mempunyai kebolehan mengurus dan menganalisis data kuantitatif dalam penyelesaian masalah berkaitan bidang sains dan teknologi makanan.

4.4 KATEGORI KURSUS PROGRAM SARJANA MUDA SAINS MAKANAN (TEKNOLOGI MAKANAN) DENGAN KEPUJIAN

Kursus Teras Universiti (20 kredit)

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1	BBB 3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)
2	BBB 3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)
3	MPU 3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2 (2+0)
4	MPU 3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2+0)
5	NCC 3053	Kenegaraan Malaysia	3 (3+0)
6	MPU 3223	Asas Keusahawanan	3 (3+0)
7	MPU 3312	Appresiasi Alam dan Warisan Laut	2 (0+2)
8	CCX XXXX	Kokurikulum	2 (0+2)
Jumlah			20

Kursus ini bertujuan untuk membiasakan pelajar dengan prinsip-prinsip asas diagnosis, pencegahan dan kawalan penyakit, dengan penekanan kepada penyakit ikan termasuk bakteria, virus, parasit dan fungus. Kursus ini memberi pengenalan kepada konsep-konsep asas penyakit ikan. Pelajar akan dibekalkan dengan maklumat khusus mengenai teknik diagnostik dalam virologi, bakteriologi, parasitologi dan fungi. Di samping itu, konsep etiologi, epidemiologi, gejala klinikal, patogenesis, diagnosis, rawatan dan kawalan. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat mengaplikasikan maklumat mengenai strategi diagnosis, rawatan dan kawalan penyakit ikan biasa.

AQU 3032 : PENGENALAN KEPADA INDUSTRI AKUAKULTUR

Jam Kredit : 2 (2+0)

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar mengenai industri akuakultur di Malaysia yang merangkumi sistem akuakultur ikan, udang dan moluska. Ia juga mendedahkan pelajar kepada sektor pembuatan makanan (makanan hidup dan makanan rumusan) dan penghasilan produk berasaskan akuakultur. Perincian berkenaan dengan setiap sektor dalam industri akuakultur akan diberi penekanan menerusi lawatan ke industri akuakultur. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat memahami sektor-sektor yang terdapat dalam industri akuakultur.

FIS 3834 : KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN LAUT

Jam kredit : 4 (3+1)

Secara keseluruhannya kursus ini menjurus kepada pengendalian ikan di atas kapal, kebersihan vessel perikanan dan pusat pendaratan ikan. Pelajar juga akan mempelajari faktor-faktor yang mempengaruhi penyimpanan dan jangka hayat ikan segar serta perubahan kualiti pada ikan segar dan sejuk beku. Kursus ini juga merangkumi topik analisis bahaya dan pengendalian titik kritis (HACCP) dan mengenalpastikan pathogen, allergen, logam berat, parasit dan toksin. Di akhir kursus pelajar dapat membina panduan untuk menentukan jangka hayat produk dan merekabentuk HACCP pada premis industri perikanan.

FIS 3624 : PEMROSESAN PRODUK AKUATIK

Jam kredit : 4 (3+1)

Kursus ini memberi pengenalan tentang produk konvensional dan kontemporari. Di dalam kursus ini, pelajar juga akan diberi pendedahan tentang Akta Makanan 1983 dan Undang undang dengan penekanan kepada produk perikanan. Tambahan lagi, pelajar akan belajar tentang pengurusan teknik pre-proses, proses dan aliran proses untuk menambah nilai di dalam produk perikanan dan jenis jenis pengawet yang dibenarkan di dalam makanan. Di akhir kursus ini, pelajar mampu untuk memahami prinsip dan teknik pemprosesan di dalam memproses produk perikanan beserta mengaplikasi semua maklumat untuk membangunkan produk baru.

FIS 3976 : LATIHAN INDUSTRI

Jam kredit : 6 (0+6)

Kursus ini akan membolehkan pelajar mendapat pengalaman situasi pekerjaan sebenar samada di agensi kerajaan ataupun swasta dan mengaplikasi teori yang dipelajari bagi membantu mencari penyelesaian untuk pelbagai masalah dan isu di tempat kerja. Ini akan membantu meningkatkan kebolehpasaran pelajar selepas bergraduasi nanti. Pada akhir kursus ini, pelajar akan mempunyai pandangan mengenai masa depan kehidupan profesional dalam sektor perikanan.

FIS 3823 : PENULISAN SAINTIFIK DALAM PERIKANAN

Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai teknik-teknik penulisan saintifik dalam perikanan termasuk cara mencari bahan rujukan, cara penulisan yang berkesan secara individu dan berkumpulan. Pelajar juga diwajibkan membuat penulisan saintifik mengenai tajuk/bidang yang diminati secara berkumpulan. Pelajar juga akan mempelajari jenis-jenis tulisan saintifik seperti penulisan tesis. Pada akhir kursus ini, pelajar dapat menggunakan bahan dan teknik yang tepat dalam penulisan saintifik.

FIS 3813 : BIOSTATISTIK PERIKANAN

Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar tentang penggunaan statistik dalam reka bentuk eksperimen yang biasanya digunakan dalam bidang perikanan. Pelajar akan didedahkan kepada beberapa asas statistik seperti pengiraan purata, mod, median, variasi, julat dan lain-lain menggunakan kalkulator dan juga komputer (Excel dan SPSS). Cara-cara persembahan data kajian juga akan diajar kepada pelajar-pelajar. Pelbagai ujian statistik yang penting seperti ujian bandingan t, ujian z, ANOVA, regresi dan korelasi juga akan didedahkan kepada pelajar. Pada akhir kursus ini, pelajar akan mengetahui penggunaan setiap ujian untuk reka bentuk yang berlainan dan mampu menginterpretasi hasil data masing-masing.

AQU 3293 : TEKNIK PENGELUARAN AKUAKULTUR

Jam kredit : 3 (1+2)

Kursus ini membincangkan teknik-teknik dan keadah pengurusan untuk menghasilkan pengeluaran akuakultur daripada peringkat benih (juvenil) sehingga mencapai saiz penuaian. Perkara yang ditekankan adalah faktor pemilihan spesies ternakan, sistem dan teknik penternakan serta spesies ternakan komersial. Selain itu, pengurusan berkaitan makanan dan pemakanan, kesihatan dan biosekuriti, kualiti air, sisa buangan dan rawatan serta impak persekitaran juga dititikberatkan dalam kursus ini. Selepas tempoh ternakan, pelajar juga didedahkan kepada proses penuaian dan teknologi pasca-tuai, teknik dan teknologi pembungkusan, penyimpanan dan pengangkutan produk akuakultur. Selain itu, kursus ini juga membincangkan tentang keberkesanan pengeluaran dan analisis kos dalam pembelajaran ekonomi dan pemasaran. Lawatan kerja lapangan ke ladang ternakan komersial akan memberi kesedaran kepada pelajar tentang teknik, teknologi dan pengurusan terkini yang digunakan oleh penternak. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat menggunakan pengetahuan dan pengalaman dalam kuliah, amali dan kerja lapangan untuk mempelajari teknik pengeluaran akuakultur yang lebih berkesan.

AQU 3443 : KEJURUTERAAN AKUAKULTUR

Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus kejuruteraan akuakultur bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan teori dan praktikal yang relevan kepada prinsip-prinsip kejuruteraan yang diperlukan untuk reka bentuk, pembinaan dan operasi sistem pengeluaran akuatik. Kursus ini mengajar pelajar aspek unik kejuruteraan dalam akuakultur. Bab-bab individu memberi tumpuan kepada pembajetan air & bekalan (termasuk peralatan bekalan air seperti paip dan pam), operasi rawatan air, cara-cara pembasmian kuman, peralatan pemberian makanan dan pengudaraan, peralatan dan peranti pemantauan, bangunan, serta asas perancangan dan reka bentuk kemudahan akuakultur. Pelajar akan mempelajari kemahiran asas reka bentuk kejuruteraan kemudahan akuakultur di bawah pelbagai keadaan teori dan aplikasi dan dapat mengenali dan merangkumi aspek biologi, ekonomi dan alam sekitar dalam reka bentuk, pembinaan dan operasi kemudahan akuakultur. Selepas menamatkan kursus ini, pelajar dijangka memperoleh kemahiran teori dan praktikal yang berikut: (i) boleh mengira keperluan asas sebuah kemudahan akuakultur, contohnya air, peralatan pengudaraan, pemakanan dan sebagainya; (ii) boleh secara praktikal membekalkan semua keperluan asas tersebut, dan (iii) boleh beroperasi dan menyelesaikan sebarang masalah keperluan sepanjang kitaran pengeluaran.

7.0 **PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (PERIKANAN) DENGAN KEPUJIAN**

7.1 **SYARAT KEMASUKAN**

i. **Syarat Am Universiti**

- a. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat **kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia atau Kepujian Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia Kertas Julai;**

dan

Memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat IPTA;

atau

Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya;

- i. Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am; dan
- ii. Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain.

atau

Lulus Matrikulasi KPM/Asasi Universiti Awam (UA) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

dan

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).

ii. **Syarat Khas Kemasukan**

- a. Bagi calon lepasan Diploma/ Setaraf, mendapat sekurang-kurangnya **PNGK/ CGPA 2.50.**
- b. Bagi calon lepasan STPM/ Matrikulasi;-

Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (2.00) dalam mana-mana SATU (1) mata pelajaran berikut:

- Biologi
- Fizik
- Kimia
- Matematik

atau

Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat Matrikulasi/ Asasi dalam mana-mana SATU (1) mata pelajaran berikut:

- Biologi
- Fizik
- Kimia
- Matematik

7.2 OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM (PEO)

Falsafah:

Program ini diwujudkan bagi melahirkan graduan dan usahawan dalam bidang perikanan yang berilmu, berkepercayaan dan berkemahiran dalam aplikasi teknologi terkini dan mampu menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi masyarakat demi memastikan kelestarian sumber perikanan.

PEO 1: Berpengetahuan dalam bidang perikanan dan berkebolehan untuk berfikir secara kritis dan saintifik untuk mengenalpasti masalah serta berkeupayaan untuk mencari penyelesaian secara inovatif dan kreatif

PEO 2: Mempunyai ketrampilan teknikal dalam bidang perikanan selaras dengan kehendak industri

PEO 3: Boleh berkomunikasi secara berkesan dan menunjukkan kewibawaan dan kepimpinan yang cemerlang dalam sesebuah organisasi

PEO 4: Mendukung sikap profesionalisme, etika dan moral yang tinggi

PEO 5: Berupaya mengamalkan kemahiran keusahawanan dan menyedari keperluan pembelajaran sepanjang hayat dalam bidang perikanan bagi pembangunan kerjaya

7.3 HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM (PLO)

Pada akhir program ini graduan akan dapat:

1. PLO1 - Pengetahuan

Mengaplikasi ilmu pengetahuan asas dalam bidang perikanan tangkapan bagi kelestarian sumber perikanan laut.

2. PLO2 - Kemahiran teknikal/ praktikal/ psikomotor

Menguasai kemahiran teknikal bagi membangun sektor perikanan.

3. PLO3 - Kemahiran berfikir dan saintifik

Berfikir secara kritis, berupaya menyelesaikan masalah dan menyumbang secara efektif bagi pembangunan dalam bidang perikanan terutamanya perikanan tangkapan dan akuakultur.

4. PLO4 - Kemahiran komunikasi

Berkomunikasi secara berkesan dalam menjalankan aktiviti berkaitan perikanan komersial bagi menyokong pembangunan dan perkembangan bidang perikanan.

5. PLO5 - Kemahiran sosial, kerja berkumpulan dan bertanggungjawab

Berfungsi secara individu atau berkumpulan dengan berkesan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pembelajaran berkaitan bidang perikanan.

6. PLO6 - Profesionalisme, nilai, sikap dan etika

Meramalkan sikap profesional yang tinggi, mempunyai sikap yang positif, beretika dan dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran yang baharu.

7. PLO7 - Pendidikan sepanjang hayat dan pengurusan maklumat

Berkemahiran untuk mencari, mengumpul dan mengurus maklumat berkaitan pembelajaran serta berkebolehan mengamalkan pembelajaran sendiri.

8. PLO8 - Kemahiran pengurusan dan keusahawanan

Mengurus dan mempunyai ciri-ciri sebagai seorang usahawan agroindustri dengan

pendedahan kepada kemahiran pengurusan dan ekonomi melalui penawaran kursus-kursus pengurusan, keusahawanan dan latihan industri di agensi kerajaan dan swasta.

9. PLO9 - Kemahiran kepimpinan

Mengamalkan ciri kepimpinan dalam pelbagai aktiviti secara berkesan.

10. PLO10- Kemahiran digital

Menguasai kemahiran digital bagi menyokong pembangunan sektor perikanan moden

11. PLO11- Kemahiran Numerikal

Menguasai ilmu pengetahuan penomboran untuk mengenalpasti masalah dan mencari penyelesaian secara saintifik

7.4 KATEGORI KURSUS PROGRAM SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (PERIKANAN) DENGAN KEPUJIAN

Kursus Teras Universiti (20 kredit)

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1	BBB 3103	Academic Writing Skills	3 (3 + 0)
2	BBB 3033	English for Occupational Purposes	3 (3 + 0)
3	MPU 3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2 (2 + 0)
4	MPU 3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2 + 0)
5	NCC 3053	Kenegaraan Malaysia	3 (3 + 0)
6	MPU 3223	Asas Keusahawanan	3 (3 + 0)
7	MPU 3312	Apresiasi Alam dan Warisan Laut	2 (2 + 0)
8	CCX XXXX	Kokurikulum	2 (0 + 2)
Jumlah			20

Kursus Teras Program (67 kredit)

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1	FIS 3904	Sains Perikanan II	4 (3+1)
2	FIS 3013	Mikrobiologi Persekitaran Akuatik	3 (2+1)
3	FIS 3043	Botani Akuatik	3 (2+1)
4	FIS 3003	Biologi Invertebrat Akuatik II	3 (2+1)
5	FIS 3154	Ekologi Akuatik	4 (3+1)
6	FIS 3423	Teknologi Alatan Perikanan	3 (2+1)
7	FIS 3033	Ekofisiologi Organisma Akuatik	3 (2+1)
8	FIS 3813	Biostatistik Perikanan	3 (2+1)
9	FIS 3164	Iktiologi	4 (3+1)
10	FIS 3413	Teknik Eksploitasi Sumber Akuatik II	3 (2+1)
11	FIS 3624	Pemprosesan Produk Akuatik	4 (3+1)
12	FIS 3243	Dinamik Populasi Ikan II	3 (2+1)
13	FIS 4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2 (0+2)
14	FIS 3483	Prinsip Kepelautan dan Navigasi	3 (2+1)
15	FIS 3704	Perancangan dan Penilaian Projek	4 (4+0)
16	AQU 3814	Kesihatan Organisma Akuatik	4 (3+1)
17	FIS 4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4 (0+4)
18	FIS 4976	Latihan Industri	6 (0+6)
19	FIS 3834	Keselamatan dan Kualiti Makanan Laut	4 (3+1)
Jumlah			67

Kursus Elektif Terhad (30 kredit)

Kursus elektif yang ditawarkan oleh FPSM bagi program Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) dengan Keahlian seperti berikut;

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1	FIS 3063	Oseanografi Perikanan	3 (2+1)
2	FIS 3223	Teknik Pancing Rekreasi	3 (2+1)
3	FIS 3233	Pengurusan Kualiti Air untuk Akuakultur	3 (2+1)
4	FIS 3403	Komputeran IOT dalam Perikanan	3 (2+1)
5	FIS 3603	Ekonomi Perikanan	3 (3+0)
6	FIS 3823	Penulisan Saintifik dalam Perikanan	3 (2+1)
7	FIS 3633	Keusahawanan Perikanan	3 (2+1)
8	FIS 3433	Aplikasi Tenaga Keterbaharuan dalam Perikanan	3 (2+1)
9	FIS 3083	Bioinformatik dan Filogeni Molekul Organisma Akuatik	3 (2+1)
10	FIS 3453	Teknologi Rawatan Air Kumbahan untuk Industri Perikanan dan Akuakultur	3 (2+1)
Jumlah			33

**7.5 SKEMA PROGRAM PENGAJIAN PELAJAR TEMPATAN SARJANA MUDA SAINS
 GUNAAN (PERIKANAN) DENGAN KEPUJIAN SESI 2022/2023**

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT
SEMESTER 1				SEMESTER 2			
MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2 (2+0)		BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2+0)		MPU3312	Apresiasi Alam dan Warisan Laut	2 (0+2)	
FIS3904	Sains Perikanan II	4 (3+1)		NCC3053	Kenegaraan Malaysia	3 (3+0)	
FIS3013	Mikrobiologi Persekitaran Akuatik	3 (2+1)		FIS3003	Biologi Invertebrat Akuatik II	3 (2+1)	
FIS3043	Botani Akuatik	3 (2+1)		FIS3154	Ekologi Akuatik	4 (3+1)	
	Elektif	3		FIS3423	Teknologi Alatan Perikanan	3 (2+1)	
				CCXXXXX	Ko-kurikulum	2	
JUMLAH: 17				JUMLAH: 20			
SEMESTER PENDEK							
	Elektif	3					
	Elektif	3					
	Elektif	3					
JUMLAH: 9							
SEMESTER 3				SEMESTER 4			
FIS3033	Ekofisiologi Organisma Akuatik	3 (2+1)		MPU3223	Asas Keusahawanan	3 (3+0)	
FIS3164	Iktiologi	4 (3+1)		FIS3624	Pemprosesan Produk Akuatik	4 (3+1)	
FIS3413	Teknik Eksploitasi Sumber Akuatik II	3 (2+1)		FIS3243	Dinamik Populasi Ikan II	3 (2+1)	
	Elektif	3		FIS3834	Keselamatan dan Kualiti Makanan Laut	4 (3+1)	
	Elektif	3		FIS3813	Biostatistik Perikanan	3 (2+1)	
	Elektif	3		FIS4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2 (0+2)	
JUMLAH: 19				JUMLAH: 19			
SEMESTER PENDEK							
FIS3704	Perancangan dan Penilaian Projek	4 (4+0)					
	Elektif	3					
	Elektif	3					
JUMLAH: 10							
SEMESTER 5				SEMESTER 6			
BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)		FIS4976	Latihan Industri	6 (0+6)	
FIS4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4 (0+4)	FIS4982				
FIS3483	Prinsip Kepelautan dan Navigasi	3 (2+1)					
AQU3814	Kesihatan Organisma Akuatik	4 (3+1)					
	Elektif	3					
	Elektif	3					
JUMLAH: 20				JUMLAH: 6			
JUMLAH KREDIT: 120							

**INTERNATIONAL STUDENT COURSE SCHEME
BACHELOR OF APPLIED SCIENCE (FISHERIES) WITH HONOURS
SESSION 2022/2023**

CODE	COURSE NAME	CREDIT	PRE-REQUISITE	CODE	COURSE NAME	CREDIT	PRE-REQUISITE
SEMESTER 1				SEMESTER 2			
MPU3143	Communicative Malay Language	3 (3+0)		BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	Muet Band 3,4,5,6
FIS3904	Fisheries Science II	4 (3+1)		FIS3003	Biology of Aquatic Invertebrates II	3 (2+1)	
FIS3013	Microbiology of Aquatic Environment	3 (2+1)		FIS3154	Aquatic Ecology	4 (3+1)	
FIS3043	Aquatic Botany	3 (2+1)		FIS3423	Fishing Gear Technology	3 (2+1)	
MPU3132	Appreciation of Ethics and Civilizations	2 (2+0)		MPU3312	Appreciation of Nature and Ocean Heritage	2 (0+2)	
					Elective	3	
				CCXXXXX	Co-Curriculum	2	
TOTAL		15		TOTAL		20	
SHORT SEMESTER							
	Elective	3					
	Elective	3					
	Elective	2					
	Elective	2					
TOTAL		10		TOTAL			
SEMESTER 3				SEMESTER 4			
BBB3023	Public Speaking	3 (3+0)	Muet Band 3,4,5,6	FIS3624	Processing of Aquatic Products	4 (3+1)	
FIS3033	Eco-physiology of Aquatic Organisms	3 (2+1)		FIS3243	Fish Population Dynamics II	3 (2+1)	
FIS3164	Ichthyology	4 (3+1)		FIS3834	Seafood Safety and Quality	4 (3+1)	
FIS3413	Exploitation Technique of Aquatic Resources II	3 (2+1)		FIS3813	Fisheries Biostatistics	3 (2+1)	
	Elective	2		FIS4982	Final Year Project I	2 (0+2)	
	Elective	2			Elective (Recreational Fisheries)	3	
	Elective	3					
TOTAL		20		TOTAL		19	
SHORT SEMESTER							
FIS3704	Project Planning and Evaluation	4 (4+0)					
	Elective	3					
	Elective	3					
TOTAL		10					
SEMESTER 5				SEMESTER 6			
FIS4994	Final Year Project II	4 (0+4)	FIS4982	FIS4976	Industrial Training	6(0+6)	
FIS3483	Principle of Seamanship and Navigation	3 (2+1)					
AQU3814	Aquatic Organisms Health	4 (3+1)					
BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	BBB3013, BBB3023				
	Elective	3					
	Elective	3					
TOTAL		20		TOTAL		6	
TOTAL CREDIT						120	

7.6 PEMINDAHAN KREDIT TANPA GRED

Bagi pelajar lepasan Diploma Perikanan UMT atau yang setaraf, terdapat beberapa kursus yang boleh dipertimbangkan dipindahkan. Pemindahan kredit tanpa gred yang boleh diberikan **TIDAK LEBIH** dari 1/2 jumlah beban kredit sesuatu program. Ia juga diasaskan kepada kursus demi kursus yang telah lulus dan tidak sebagai keseluruhan sesuatu program.

Gred minima bagi suatu kursus yang boleh dipertimbangkan untuk disetarakan ialah **GRED B+**. Fakulti berhak menetapkan atau mengenakan syarat-syarat tertentu untuk pelajar jika perlu, dalam bentuk temuduga atau peperiksaan khas.

Pindah kredit hanya dibenarkan pada tahun pertama pengajian sahaja. Kursus yang dimohon untuk pindah kredit hendaklah diambil dalam tempoh tidak melebihi lima tahun dari tarikh permohonan. Permohonan yang melebihi lima tahun perlu mendapat kelulusan Senat Universiti.

Kursus-kursus MPU dan Latihan Industri tidak boleh dipindah kredit. Berikut adalah senarai kursus Teras Program yang boleh dipertimbangkan untuk pindah kredit tanpa gred:

Teras Program Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) dengan Keupujian

Bil.	Kursus Setara Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) dengan Keupujian			Kursus Diploma Perikanan		
	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1.	FIS3904	Sains Perikanan II	4 (3+1)	FIS2001	Sains Perikanan I	4 (3+1)
2.	FIS3003	Biologi Invertebrat Akuatik II	3 (2+1)	FIS2102	Biologi Invertebrat Akuatik I	3 (2+1)
3.	FIS3813	Biostatistik Perikanan	3 (2+1)	FIS2003	Statistik Gunaan Perikanan	3 (3+0)
4.	FIS3164	Iktiologi	4 (3+1)	FIS2101	Biologi Ikan	4 (3+1)
5.	FIS3413	Teknik Eksploitasi Sumber Akuatik II	3 (2+1)	FIS2501	Teknik Eksploitasi Sumber Akuatik I	3 (2+1)
6.	FIS3624	Pemprosesan Produk Akuatik	4 (3+1)	FIS2701	Pemprosesan dan Pemasaran Produk Perikanan	4 (3+1)
7.	FIS3013	Mikrobiologi Persekitaran Akuatik	3 (2+1)	FIS3106	Mikrobiologi Persekitaran Akuatik	3 (2+1)
8.	FIS3483	Prinsip Kepelautan dan Navigasi	3 (2+1)	MNS2201	Prinsip Kepelautan dan Navigasi	3 (2+1)
9.	FIS3043	Botani Akuatik	3 (2+1)	FIS3401	Botani Akuatik	3 (2+1)
10.	FIS3243	Dinamik Populasi Ikan II	3 (2+1)	FIS2601	Dinamik Populasi Ikan I	3 (3+0)

7.7 SINOPSIS KURSUS SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (PERIKANAN) DENGAN KEPUJIAN

FIS 3904 : SAINS PERIKANAN II Jam Kredit : 4 (3 + 1)

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada bidang perikanan secara menyeluruh. Pelajar diberi pengetahuan tentang kepelbagaian sumber perikanan, ekologi, biologi dan kaedah penangkapan. Ianya juga akan menekankan mengenai kaedah pengurusan perikanan terbaik yang diamalkan, serta kepentingan peraturan dan undang-undang perikanan. Isu-isu terkini serta permasalahan tentang perikanan dan persekitarannya akan turut dibincangkan.

FIS 3013 : MIKROBIOLOGI PERSEKITARAN AKUATIK Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan asas-asas mikrobiologi dalam ekosistem akuatik dan kepentingannya kepada manusia dan alam sekitar. Ia membincangkan skop dan sejarah mikrobiologi, serta penggunaan mikroskop dalam pemerhatian terhadap kepelbagaian struktur dan fungsi sel. Kursus ini juga memberi tumpuan kepada mikroorganisma di persekitaran akuatik, interaksi antara mikroorganisma dan kehidupan akuatik, penyakit bawaan air dan kaedah mengawal mikroorganisma menggunakan agen kimia dan fizikal serta rawatan air sisa. Kaedah penanaman dan pengasingan mikroorganisma menggunakan teknik aseptik di makmal juga dititikberatkan. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat mengaitkan kepelbagaian, kepentingan dan interaksi mikroorganisma akuatik dengan kehidupan dan persekitaran akuatik serta dapat melakukan teknik asas mikrobiologi dengan betul termasuk penyediaan hasil kajian mikrob akuatik yang tepat.

FIS 3043 : BOTANI AKUATIK Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini akan mengenalkan pelajar kepada persekitaran akuatik. Dalam kursus ini, taksonomi tumbuh-tumbuhan akuatik seperti algae (mikroalga dan makroalga), makrofit air tawar dan angiosperma marin (rumput laut dan bakau) akan dibincangkan. Pelajar juga akan diajar mengenai komuniti-komuniti alga, makrofit air tawar dan angiosperma marin dan ciri-ciri persekitarannya. Penggunaan dan kepentingan ekonomi alga, makrofit air tawar dan angiosperma marin juga turut dibincangkan. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat memahami dan menerangkan jenis-jenis tumbuhan akuatik serta komuniti yang terlibat selain kepentingannya dalam persekitaran akuatik

FIS 3003 : BIOLOGI INVERTEBRAT AKUATIK II Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada invertebrat penting yang terdapat dalam ekosistem akuatik. Topik perbincangan melibatkan aspek biologi dan ekologi invertebrat akuatik dengan penekanan kepada taksonomi, ciri-ciri, kitaran hidup dan status terkini dalam perikanan. Sumbangan spesies tersebut kepada ekosistem akuatik juga akan dibincangkan. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat membezakan pelbagai spesies invertebrat akuatik dan juga boleh menerangkan kepentingan spesies ini dalam ekosistem.

FIS 3154 : EKOLOGI AKUATIK Jam kredit : 4 (3+1)

Kursus ini merangkumi prinsip dan konsep ekologi mengenai ekosistem akuatik. Ini termasuk aliran tenaga, produktiviti, dan aras trofik, serta proses-proses dalam ekosistem seperti proses fotosintesis, kitaran makanan dan kitaran biogeokimia. Aspek struktur komuniti dan hubungan antara organisma dan habitat di mana pengiraan indek diversiti, kekayaan dan kelimpahan dibincangkan. Kesan aktiviti manusia ke atas ekosistem dan konsep ekologi dan kaitannya dengan struktur komuniti dalam sesuatu ekosistem juga turut dibincangkan.

FIS 3423 : TEKNOLOGI ALATAN PERIKANAN

Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini akan membolehkan pelajar mendapat pengetahuan dalam prinsip asas hidrodinamik alatan menangkap ikan serta mengenali jenis alatan menangkap ikan yang aktif dan pasif. Ini akan membantu meningkatkan pengetahuan pelajar dan membantu mereka semasa kerja lapangan dan latihan industri. Pelajar juga akan didedahkan dengan konsep daya luaran dan dalaman bagi alatan perikanan berfungsi. Pelajar juga berpeluang untuk mereka cipta peralatan perikanan yang direka cipta sendiri berdasarkan kreativiti serta akan diuji di lapangan sebenar.

FIS 3033 : EKOFISIOLOGI ORGANISMA AKUATIK

Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada para pelajar kepada perubahan biologi dalam organisma akuatik untuk menghadapi pelbagai cabaran alam persekitaran akuatik. Pelajar akan dapat mengenalpasti anatomi dan menjelaskan prinsip asas proses fisiologi dari peringkat sel sehingga peringkat sistem bagi organisma akuatik (vertebrata dan invertebrata) terpilih. Penggunaan keadaan fisiologi sebagai biopetunjuk yang dapat mencerminkan perubahan sekitaran turut dibincangkan. Pada akhir kursus, pelajar akan dapat kebolehan menerangkan respon biologi terutamanya fisiologi pada organisma akuatik sebagai gerakbalas terhadap perubahan sekitaran.

FIS 3813 : BIOSTATISTIK PERIKANAN

Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar tentang penggunaan statistik dalam reka bentuk eksperimen yang biasanya digunakan dalam bidang perikanan. Pelajar akan didedahkan kepada beberapa asas statistik seperti pengiraan purata, mod, median, variasi, julat dan lain-lain menggunakan kalkulator dan juga komputer (Excel dan SPSS). Cara-cara persembahan data kajian juga akan diajar kepada pelajar-pelajar. Pelbagai ujian statistik yang penting seperti ujian bandingan t, ujian z, ANOVA, regresi dan korelasi juga akan didedahkan kepada pelajar. Pada akhir kursus ini, pelajar akan mengetahui penggunaan setiap ujian untuk reka bentuk yang berlainan dan mampu menginterpretasi hasil data masing-masing.

FIS 3164 : IKTILOGI

Jam kredit : 4 (3+1)

Kursus ini bertujuan untuk membolehkan pelajar mengetahui dan memahami anatomi, sistematik, filogeni dan evolusi ikan. Pelajar diberi pengetahuan tentang zoogeografi dan ekologi ikan secara global. Kumpulan utama ikan di Malaysia juga dibincangkan. Pelajar didedahkan kepada latihan pengukuran, pengiraan, pembedahan dan pengelasan ikan. Pada akhir kursus, pelajar akan dapat mengklasifikasikan ikan yang berkaitan dengan perbezaan morfologi.

FIS 3413 : TEKNIK EKSPLOITASI SUMBER AKUATIK II

Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar pengelasan, kaedah operasi, rekabentuk dan pembinaan alatan yang digunakan dalam eksploitasi sumber akuatik. Faktor mempengaruhi kecekapan dan keberkesanan alatan dan operasi penangkapan juga akan diterangkan. Selain itu, pelajar juga akan didedahkan dengan teknik dan alatan tambahan dalam eksploitasi sumber seperti peranti pengumpulan ikan (FADs) dan akustik. Pada akhir kursus, pelajar akan belajar tentang kesan aktiviti perikanan terhadap ekosistem dan pemuliharaan sumber perikanan.

FIS 3624 : PEMROSESAN PRODUK AKUATIK

Jam kredit : 4 (3+1)

Kursus ini memberi pengenalan tentang produk konvensional dan kontemporari. Di dalam kursus ini, pelajar juga akan diberi pendedahan tentang Akta Makanan 1983 dan Undang-undang dengan penekanan kepada produk perikanan. Tambahan lagi, pelajar akan belajar tentang pengurusan teknik pre-proses, proses dan aliran proses untuk menambah nilai di dalam produk perikanan dan jenis-jenis pengawet yang dibenarkan di dalam makanan. Di akhir kursus ini, pelajar mampu untuk memahami prinsip dan teknik pemprosesan di dalam memproses produk perikanan beserta mengaplikasikan semua maklumat untuk membangunkan produk baru.

FIS 3243 : DINAMIK POPULASI IKAN II

Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan konsep, teori dan elemen asas dinamik populasi ikan. Di dalam kursus ini, pelajar akan belajar mengenai prinsip biologi bagi matematik dinamik populasi ikan dan kaedah pengramalan perubahan dalam struktur populasi. Di dalam kursus ini, pelajar akan didedahkan kepada kaedah peramalan kelimpahan ikan, taburan frekuensi panjang, umur, parameter tumbesaran, corak pembiakan, kematian dan rekrutmen, selektiviti alat tangkapan serta hasil yang mana penting di dalam pengurusan perikanan. Di akhir kursus ini, pelajar akan mampu menerangkan sifat-sifat populasi dan memilih kaedah dan model bersesuaian untuk menganggar parameter populasi ikan.

FIS 4982 : PROJEK ILMIAH TAHUN AKHIR I

Jam kredit : 2 (0+2)

Satu projek dijalankan oleh setiap pelajar tahun akhir dalam bidang perikanan yang merangkumi topik-topik seperti pengurusan sumber akuatik, bioteknologi, ekologi, taksonomi dan yang berkaitan. Pelajar akan didedahkan kepada teknik-teknik perancangan, penulisan dan pembentangan saintifik, khususnya dalam penyediaan saranan. Pelajar dikehendaki menulis saranan penyelidikan dan membentangkannya pada akhir semester. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat memahami dan mahir berkaitan pengurusan projek bagi penyediaan saranan penyelidikan saintifik.

FIS3483 : PRINSIP KEPELAUTAN DAN NAVIGASI

Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini menerangkan pengetahuan mengenai tali, wayar, kabel & kemahiran dalam mengikat simpulan, tali sambung dan wayar, peralatan dek dan aplikasinya. Dalam kursus ini, pelajar akan diajar untuk mengira kekuatan pelbagai bahan pengaman, membezakan jenis kapal laut, pelbagai jenis pendorong enjin yang dipasang, susun atur umum dan fungsi operasi. Kursus ini juga akan merangkumi prosedur penambat, penambatan dan proses, menghantar dan menerima isyarat kod Morse melalui kaedah audio dan visual dan pengenalan bendera abjad, makna dan loket angka untuk komunikasi visual. Pada akhir kursus, pelajar akan dapat menerangkan semua aspek kepelautan dan navigasi.

FIS 3704 : PERANCANGAN DAN PENILAIAN PROJEK

Jam kredit : 4 (4+0)

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pengetahuan asas pengurusan projek dengan penekanan khas kepada aspek ekonomi pengeluaran dan pemasaran produk akuakultur/perikanan. Kursus ini akan menyediakan konsep asas mengenai projek, kitaran hayat projek, pemilihan projek, proses pengurusan projek, nilai masa wang, kriteria pelaburan, kebolehlaksanaan projek, pembiayaan dan analisis kewangan, analisis pasaran yang berpotensi, analisis risiko, teknik kawalan projek dan analisis keputusan jangkaan projek perikanan/akuakultur. Pelajar-pelajar juga akan mempelajari bagaimana untuk menyediakan cadangan projek dan penyediaan projek laporan melalui tugas. Pada akhir kursus ini, pelajar akan mempunyai pengetahuan terkini mengenai kaedah dan prosedur perancangan projek dan akan dapat menilai dan menganggarkan keberkesanan projek akuakultur/perikanan.

AQU 3814 : KESIHATAN ORGANISMA AKUATIK

Jam kredit : 4 (3+1)

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar dengan asas asas diagnosis, pencegahan dan kawalan penyakit, dengan penekanan pada penyakit ikan termasuk bakteria, virus, parasit dan kulat. Kursus ini memberi pengenalan kepada konsep asas penyakit ikan. Pelajar akan diberi maklumat khusus mengenai teknik diagnostik dalam virologi, bakteriologi, parasitologi dan kulat. Di samping itu, konsep etiologi, epidemiologi, gejala klinikal, patogenesis, diagnosis, rawatan dan kawalan. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat menerapkan maklumat mengenai strategi diagnosis, rawatan dan kawalan penyakit ikan biasa.

FIS 4994 : PROJEK ILMIAH TAHUN AKHIR II
Jam kredit : 4 (0+4)

Satu projek penyelidikan ilmiah akan dijalankan oleh setiap pelajar tahun akhir berkaitan dengan bidang perikanan. Pelajar dikehendaki menulis sebuah laporan dan membentangkannya setelah kajian selesai. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat kemahiran untuk menjalankan penyelidikan saintifik dan membincangkan hasil kajian melalui pembentangan akhir dan penulisan secara efektif dan kritis.

FIS 4976 : LATIHAN INDUSTRI
Jam kredit : 6 (0+6)

Kursus ini akan membolehkan pelajar mendapat pengalaman situasi pekerjaan sebenar samada di agensi kerajaan ataupun swasta dan mengaplikasi teori yang dipelajari bagi membantu mencari penyelesaian untuk pelbagai masalah dan isu di tempat kerja. Ini akan membantu meningkatkan kebolehpasaran pelajar selepas bergraduasi nanti. Pada akhir kursus ini, pelajar akan mempunyai pandangan mengenai masa depan kehidupan profesional dalam sektor perikanan.

FIS 3834 : KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN LAUT
Jam kredit : 4 (3+1)

Secara keseluruhannya kursus ini menjurus kepada pengendalian ikan di atas kapal, kebersihan vessel perikanan dan pusat pendaratan ikan. Pelajar juga akan mempelajari faktor-faktor yang mempengaruhi penyimpanan dan jangka hayat ikan segar serta perubahan kualiti pada ikan segar dan sejuk beku. Kursus ini juga merangkumi topik analisis bahaya dan pengendalian titik kritis (HACCP) dan pengenalan patogen, allergen, logam berat, parasit dan toksin. Di akhir kursus pelajar dapat membina panduan untuk menentukan jangka hayat produk dan merekabentuk HACCP pada premis industri perikanan.

FIS 3063 : OSEANOGRAFI PERIKANAN
Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini memperkenalkan asas-asas perikanan dan oseanografi. Di antara topik adalah sejarah peringkat awal kitaran ikan serta tabiat pengumpulan ikan dan kedinamikannya, tabiat dan tindak balas ikan terhadap persekitaran serta kejadian-kejadian utama dalam oseanografi seperti sistem julang air dan asidifikasi lautan, dan kesannya terhadap aspek biologi dan taburan ikan. Pada akhir kursus, pelajar akan dapat memahami tabiat populasi ikan dan kaitannya dengan proses-proses oseanografi.

FIS 3223 : TEKNIK PANCING REKREASI
Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada teknik teknik memancing, jenis-jenis umpan pancing dan konsep pengurusan di dalam perikanan rekreasi. Pelajar akan memiliki peralatan mereka sendiri untuk memancing dan mengaplikasikan teknik-teknik yang bersesuaian untuk air tawar dan air masin. Di akhir kursus ini, pelajar akan mempelajari teknik-teknik pancingan dan kriteria sebagai seorang pemancing yang beretika.

FIS 3233 : PENGURUSAN KUALITI AIR UNTUK AKUAKULTUR
Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini bertujuan untuk membincangkan tentang prinsip, teori, dan amalan pengurusan kualiti air untuk tujuan akuakultur lestari. Pelajar akan mempelajari amalan pengurusan kualiti air dan juga sistem rawatan air yang kos-berkesan untuk akuakultur. Isu-isu semasa dan kajian kes serta permasalahan tentang pengurusan kualiti air untuk akuakultur akan turut dibincangkan. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat praktikan amalan terbaik dan kaedah analisis kualiti air untuk projek akuakultur.

FIS 3403 : KOMPUTERAN IoT DALAM PERIKANAN

Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar konsep asas, komponen utama, protokol rangkaian, dan persekitaran tanpa wayar di dalam perkembangan teknologi IoT. Pelajar juga akan dapat mempelajari konsep analitik data di dalam persekitaran IoT. Bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang IoT, pelajar juga akan didedahkan kepada pembangunan aplikasi IoT yang mudah yang berfokus kepada bidang perikanan dan akuakultur yang mana akan di kendalikan didalam makmal atau pusat penetasan.

FIS 3603 : EKONOMI PERIKANAN

Jam kredit : 3 (3+0)

Kursus ini menerangkan aspek pengenalan ekonomi perikanan, sumber perikanan (sumber boleh diperbaharui), dan model perikanan bionomik. Ia juga membandingkan analisis pengurusan perikanan, peraturan perikanan, dan polisi perikanan antara Malaysia dan negara-negara lain. Kursus ini juga membincangkan pemasaran ikan, perdagangan antarabangsa, memancing sebagai rekreasi, pengurusan nelayan, dan aspek ekonomi akuakultur. Pada akhir kursus, pelajar dapat meneroka ekonomi perikanan secara komprehensif.

FIS 3823 : PENULISAN SAINTIFIK DALAM PERIKANAN

Jam kredit : 3 (3+0)

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai teknik-teknik penulisan saintifik dalam perikanan termasuk cara mencari bahan rujukan, cara penulisan yang berkesan secara individu dan berkumpulan. Pelajar juga diwajibkan membuat penulisan saintifik mengenai tajuk/bidang yang diminati secara berkumpulan. Pelajar juga akan mempelajari jenis-jenis tulisan saintifik seperti penulisan tesis. Pada akhir kursus ini, pelajar dapat menggunakan bahan dan teknik yang tepat dalam penulisan saintifik.

FIS 3633 : KEUSAHAWANAN PERIKANAN

Jam kredit : 3 (3+0)

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan. Ianya juga memberi peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang diperolehi dari bidang masing-masing. Penghasilan rancangan perniagaan dan kemahiran pengurusan perniagaan akan diterapkan melalui kerja berkumpulan. Pelajar akan diberi satu projek berdasarkan kepada rancangan perniagaan, menjalankan perniagaan dan bekerja mengikut kumpulan. Di akhir kursus ini, pelajar akan mampu untuk menyediakan dan membentangkan kertas kerja perniagaan mereka dan merasai aktiviti keusahawanan itu sendiri.

FIS 3433 : APLIKASI TENAGA KETERBAHARUAN DALAM PERIKANAN

Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini memberi pengenalan kepada jenis-jenis tenaga keterbaharuan seperti hidro, biodiesel, biomass, suria, angin dan laut (air dan angin luar pesisir) dan aplikasinya dalam bidang perikanan. Pelajar akan didedahkan dengan amali asas yang berkaitan dengan tenaga keterbaharuan dan bagaimana menghasilkan tenaga keterbaharuan dari sumber dan aktiviti perikanan. Selain itu juga, kursus ini juga memberi pendedahan kepada pelajar mengenai gabungan dua sumber tenaga keterbaharuan ataupun dinamakan sistem hibrid. Rasional subjek ini diperkenalkan adalah untuk memberi ilmu dan kesedaran bagi mengurangkan kebergantungan ke atas sumber tenaga berasaskan bahan api fosil dan seterusnya menggunakan bahan alternatif khususnya dari sumber perikanan. Bagi melengkapkan pembelajaran dalam kursus ini, pelajar akan diberi peluang untuk mencipta dan membentangkan mini projek yang berkaitan dengan tenaga keterbaharuan untuk diaplikasikan dalam bidang perikanan.

FIS 3083 : BIOINFORMATIK DAN FILOGENI MOLEKUL ORGANISMA AKUATIK

Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini membincangkan keperluan dan kepentingan bioinformatik dan analisis filogeni molekul dalam penyelidikan dan pengurusan sumber genetik organisma akuatik. Model-model dan algoritma yang digunakan dalam analisis filogeni molekul, peramalan dan pengelasan fungsi gen dan protein akan diperkenalkan. Konsep dan aplikasi perisian-perisian bioinformatik dalam analisis data biologi molekul berkaitan dengan kesihatan, pemakanan dan pembiakan organisma akuatik juga diberi penekanan. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat mengaplikasikan ilmu dan kemahiran bioinformatik dalam analisis data biologi secara tepat.

FIS 3453 : TEKNOLOGI RAWATAN AIR KUMBAHAN UNTUK INDUSTRI PERIKANAN DAN AKUAKULTUR

Jam kredit : 3 (2+1)

Kursus ini akan memperkenalkan pelajar kepada teknologi rawatan air sisa kumbahan yang dapat digunakan dalam industri perikanan dan akuakultur. Dalam kursus ini, sumber, risiko dan langkah pengurangan air sisa kumbahan dari industri perikanan dan akuakultur akan dibincangkan. Teknologi rawatan air sisa kumbahan termasuk kaedah fizikal, kimia dan biologi akan diajar. Pelajar juga akan mempelajari tentang peralatan dan bahan –bahan kimia yang digunakan dalam proses pemantauan dan penilaian air sisa kumbahan. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat mempelajari pelbagai jenis teknologi rawatan air sisa kumbahan yang dapat digunakan dalam industri perikanan dan akuakultur selain mempelajari kepentingan teknologi ini dalam menguruskan persekitaran air.



FPSM FAKULTI PERIKANAN
& SAINS MAKANAN
FACULTY OF FISHERIES & FOOD SCIENCE

